

**[ABÛ AL-FATH AL-AZDÎ IN JARH WA TA'DÎL ACCORDING TO IBN HAJAR AL-ASQALÂNÎ]****ABÛ AL-FATH AZDÎ DALAM JARH WA TA'DÎL MENURUT IBN HAJAR AL-ASAQALÂNÎ**

DZULFAIDHI HAKIMIE BIN DZULRAIDI  
Universiti Sains Islam Malaysia: Darul Quran Jakim  
Email: dzuldzulraidi@gmail.com

---

*Received: 24<sup>th</sup> May 2023**Accepted: 29<sup>th</sup> May 2023**Published: 1<sup>st</sup> June 2023*

---

**Abstract**

*Abû al-Fath al-Azdî was a renowned figure who had various writings in the field of Jarh wa Ta'dîl. However, his credibility in this field has been questioned for the reason of dhâbt and 'adâlah. Ibn Hajar al-Asqalânî was one of the later scholars who strongly criticized al-Azdî's views, rejecting them vehemently. Nevertheless, there was one instance where Ibn Hajar accepted Azdî's opinion, leading to some polemics. This article aims to critically analyze Ibn Hajar al-Asqalani's thoughts and views based on his practical approach towards the opinions of Abû al-Fath al-Azdî in Jarh wa Ta'dîl, in order to obtain a comprehensive answer to this issue. The findings of this study suggest that Ibn Hajar, in evaluating the views of Abû al-Fath al-Azdî, considered specific indicators to determine their proximity to the truth. If Azdî's opinion contradicted the views of other scholars, Ibn Hajar would reject it outright. However, if there was no contradiction, then Azdî's opinion might be considered for acceptance. In conclusion, the article suggests that the opinions of the scholars in Jarh wa Ta'dîl still need to be explored through practical analysis, rather than relying solely on textual sources.*

**Keywords:** Abû al-Fath al-Azdî, Muhadith, Jarh wa Ta'dîl, Ibn Hajar al-Asqalânî

**ABSTRAK**

Abû al-Fath al-Azdî merupakan tokoh muhaddith masyhur yang mempunyai pelbagai karangan dalam Jarh wa Ta'dîl. Namun kredibiliti beliau dalam ilmu ini masih diragui atas dasar kritikan terhadap dhâbt dan 'adâlah beliau. Ibn Hajar al-Asqalânî antara tokoh terkemudian yang banyak menolak pandangannya bahkan dengan kritikan yang dasyat. Meskipun begitu terdapat satu tempat beliau menerima pandangan al-Azdî sehingga menimbulkan polemik, apa pendirian Ibn Hajar yang sebenar. Artikel ini merupakan analisis kritis pemikiran dan pandangan Ibn Hajar al-Asqalani berdasarkan praktikalnya terhadap pandangan-pandangan Abû al-Fath al-Azdî dalam Jarh wa Ta'dîl untuk mendapatkan jawapan tuntas bagi isu ini. Hasil daripada kajian ini mendapati Ibn Hajar mengambil pandangan Abû al-Fath al-Azdî dengan mengambil kira indikator-indikator tertentu memastikan ia lebih dekat kepada kebenaran atau tidak. Sekiranya pandangan beliau ada percanggahan dengan pandangan tokoh lain, pandangan beliau akan ditolak serta merta. Manakala sekiranya tidak, pandangan beliau boleh dipertimbangkan untuk diterima. Rumusan dan cadangan kajian mendapati pandangan tokoh-tokoh Jarh wa Ta'dîl masih perlu diterokai melalui kajian secara analisis praktikal bukan semata-mata dapatan daripada naš perkataan.

**Kata kunci:** Abû al-Fath al-Azdī, Muhaddith, Jarh wa Ta'dīl, Ibn Hajar al-Asqalānī

## PENDAHULUAN

Ilmu usul hadith merupakan satu cabang ilmu untuk mengkaji aspek teknikal sanad atau kebiasaannya disebut sebagai ilmu yang mengandungi kaedah-kaedah untuk mengenal status sanad dan matan sesebuah hadith.<sup>1</sup>

Antara cabang subjek utama dalam usul hadith merupakan ilmu Jarh wa Ta'dīl iaitu satu cabang ilmu yang mengumpulkan kaedah-kaedah untuk mengenal perawi yang diterima riwayatnya dan tidak.<sup>2</sup>

Jarh daripada sudut bahasa merupakan kata terbitan (*masdar*) daripada kalimah Jaraha – Yajrahu – Jarhan جرح – بجرح yang bermaksud luka<sup>3</sup>. Sebahagian tokoh bahasa membezakan pula sekiranya kalimah ini dibaca dengan baris yang berbeza. Sekiranya ia dibaca dengan baris *dhammah* (*al-Jurh*) bermaksud luka yang disebabkan oleh perkara fizikal seperti pisau, pedang dan sebagainya. Manakala sekiranya ia dibaca dengan *fathah* (*al-Jarh*) ia memberi maksud luka yang disebabkan oleh perkara bukan fizikal seperti perkataan dan sebagainya.<sup>4</sup>

Para ulama hadith mendefinisikan al-Jarh sebagai “Kritikan terhadap perawi<sup>5</sup> yang menyebabkan status periyatannya berubah”.<sup>6</sup> Sementara ta'dīl menurut bahasa memberi pengertian *al-taswiyah* iaitu sesuatu yang lurus atau perbuatan untuk meluruskan sesuatu dan membandingkannya dengan perkara-perkara yang lain.<sup>7</sup> Di sisi para ulama hadith, mereka mengertikannya sebagai “Pujian terhadap perawi yang menyebabkan riwayat mereka diterima”.<sup>8</sup>

Sheikh Abdul ‘Azīz menyebutkan walaupun secara bahasanya al-Ta'dīl memberi pengertian pujian dalam isu-isu berkaitan keadilan, akan tetapi penggunaan di sisi para ulama

<sup>1</sup> Muhammad Bin ‘Alawi (2003), Al-Qawā’id al-Asāsiyah, Kaherah: Dār al-Hāwi, hlmn 5.

<sup>2</sup> Syarīf Hātim al-‘Awnī (2002), Khulāsah al-Ta’sīl li ‘Ilmi al-Jarh wa al-Ta’dīl, Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawāid, hlmn 6.

<sup>3</sup> Muhammad Bin Mukrim (1994), Lisān al ‘Arab, Beirut: Dār al Šadir, jld 2, hlmn. 422.

<sup>4</sup> Muhammad Murtadha al Husaini (2001), Tāj al ‘Arūs, Dār Ihyā’ al Turāth, jld 2, hlmn 130.

<sup>5</sup> Perawi bermaksud individu yang meriwayatkan hadith.

<sup>6</sup> Abdul Aziz Bin Abdul Latif (2017), Dhawābit al Jarh wa Ta'dīl, Madinah: Cetakan ke-6, Dār Tayyibah al Khudarā’, hlmn 16.

<sup>7</sup> Muhammad Bin Muhammad Bin Sulaim (2010), al Wasīth fī Ulūmi wa Mustalah al Hadīth, Dār Fikr al ‘Arabī, hlmn 385.

<sup>8</sup> Muhammad Bin Sulaimān (1986) Al Mukhtasar fī ‘Ilmi al Rijāl, Maktabah al Rusyd, hlmn 385.

hadith memberi maksud yang lebih luas iaitu pujian yang berkait dengan keadilan dan hafalan perawi.<sup>9</sup>

Sheikh Abdul ‘Azīz Bin Abd Latīf mengatakan al-Jarh kepada perawi ini dilihat daripada tiga sudut utama iaitu kritikan terhadap perawi daripada sudut keadilan, hafalan begitu juga kritikan terhadap perawi yang tidak ada kaitan secara langsung dengan keadilan dan hafalan perawi tersebut.<sup>10</sup> Bermula dengan aspek keadilan perawi, para muhaddithīn meletakkan lima syarat utama seseorang perawi itu dinilai sebagai seorang yang mempunyai sifat dan karakter adil iaitu muslim, baligh, berakal, tidak melakukan perkara-perkara yang menyebabkan dia dilabel fasik, dan tidak melakukan perkara yang dapat menjatuhkan maruahnya.<sup>11</sup> Sekiranya seseorang perawi melepassi segala syarat ini maka dia layak untuk dilabel sebagai perawi yang adil. Sementara itu, dalam aspek hafalan perawi, para ulama meletakkan syarat mestilah riwayatnya tidak bercanggah dengan riwayat para perawi tsiqah<sup>12</sup> yang lain. Sekiranya banyak riwayatnya yang bercanggah, maka para ulama akan menyifatkan dia sebagai seorang yang tidak kuat hafalannya atau tidak dhābit.<sup>13</sup> Bahkan terkadang boleh menyebabkan dia ditolak secara penuh sekiranya riwayatnya banyak bercanggah dengan perawi tsiqah yang lain.

Sudut yang ketiga dalam isu ini berkaitan dengan aspek yang tidak berkait secara langsung dengan keadilan dan dhabit perawi tetapi mempunyai kesan terhadap status seseorang perawi. Antaranya, isu yang menjadi perhatian adalah apabila perawi tersebut tidak melakukan penapisan terhadap riwayatnya. Jika perawi tersebut sering melakukan tindakan ini, maka ia berisiko dikritik dan diragui kebolehpercayaannya sebagai seorang perawi hadith. Contohnya, kritikan Abdullah Bin Mubārak. Beliau berkata:

بقية صدوق اللسان، ولكنه يأخذ عنمن أقبل وأدبر

Terjemahan : Baqiyah merupakan perawi yang amanah, akan tetapi dia mengambil hadith dari segala jenis perawi [sama ada tsiqah atau dhaif].<sup>14</sup>

<sup>9</sup> Abdul Aziz Bin Abdul Latif (2017), Dhawābit al Jarh wa Ta’dīl, Madinah: Cetakan ke-6, Dār Tayyibah al Khudarā’, hlmn 18.

<sup>10</sup> *Ibid* hlmn 31.

<sup>11</sup> *Ibid*, hlmn 40.

<sup>12</sup> Tsiqah bermaksud perawi dinilai adil dan dhābit. Lihat Abdul Aziz Bin Abdul Latif (2017), Dhawābit al Jarh wa Ta’dīl, Madinah: Cetakan ke-6, Dār Tayyibah al Khudarā’, hlmn 20.

<sup>13</sup> Dhābit bermaksud perawi hafal hadith yang diterima. Lihat Muhammad Bin ‘Alawi (2003), Al-Qawā’id al-Asāsiyah, Kaherah: Dār al-Hāwi, hlmn 17.

<sup>14</sup> Muslim Bin al Hajjāj (1955) Sahih Muslim, Kaherah: Matba’ah Īsa al Bābī, jld 1 hlmn 19.

Selain itu, sekiranya perawi itu dikenali banyak melakukan *tadlīs*<sup>15</sup>, ini akan menyebabkan para ulama lebih berhati-hati dengan riwayatnya.<sup>16</sup>

### Kriteria Mu'addil dan Jārih

Tidak semua tokoh hadith dapat dianggap berkredibiliti dalam Jarh wa Ta'dīl. Hal ini disebabkan oleh ketidakmampuan mereka untuk mengkritik perawi atau memiliki maklumat yang lengkap tentang perawi tersebut. Oleh karena itu, para ulama telah menetapkan beberapa kriteria atau syarat yang harus dimiliki oleh seseorang tokoh agar dapat dianggap sebagai ahli Jarh wa Ta'dīl atau biasanya disebut sebagai *nāqid*. Al-Dzahabī menggariskan empat kriteria utama:

- a) Adil
- b) Insaf dalam mengeluarkan pandangan berkenaan perawi
- c) Teliti dan cermat serta tidak mudah tertipu dengan zahir perwatakan perawi.
- d) Mahir dengan sebab-sebab Jarh dan takdil.<sup>17</sup>

- a) Adil

Ibn Hajar al-Asqalānī menyebutkan tidak sepakutnya kita menerima kritikan kecuali daripada tokoh yang adil. Meskipun begitu masih menjadi persoalan adakah keadilan di sini bersifat mandatori atau hanya menjadi syarat umum<sup>18</sup>.

- b) Insaf dalam mengeluarkan pandangan berkenaan perawi.

Insaf dalam konteks ini merujuk pada memberikan pandangan atau penilaian terhadap perawi berdasarkan isu-isu periwayatan hadith semata-mata, tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti perseteruan politik, manhaj, perebutan anak murid, dan sebagainya. Ini bermakna para pengkaji harus memastikan bahawa kritikan atau puji yang diberikan kepada perawi adalah berdasarkan aspek periwayatan hadith secara objektif. Adakalanya dalam Jarh wa Ta'dīl, terdapat kritikan atau puji yang tidak berkaitan dengan periwayatan hadith. Oleh itu, jika

<sup>15</sup> Tadlīs bermaksud perawi melakukan helah tersembunyi dalam riwayatnya. Lihat Muhammad Bin 'Alawi (2003), *Al-Qawā'id al-Asāsiyah*, Kaherah: Dār al-Hāwi, hlmn 5.

<sup>16</sup> Abdul Aziz Bin Abdul Latif (2017), *Dhawābit al Jarh wa Ta'dīl*, Madinah: Cetakan ke-6, Dār Tayyibah al Khudarā', hlmn 89.

<sup>17</sup> Syams al Dīn al Dzahabī (1991) *Al Mūqizah Fi Ilmi Mustalah al Hadīth*, Halab: Maktabah al Matbū'āt al Islāmiyah, hlmn 82.

<sup>18</sup> Abdul Aziz Bin Abdul Latif (2017), *Dhawābit al Jarh wa Ta'dīl*, Madinah: Cetakan ke-6, Dār Tayyibah al Khudarā', hlmn 20.

terdapat unsur-unsur seperti ini dalam pandangan seseorang tokoh, pandangan tersebut perlu ditolak, terutama jika tokoh tersebut sezaman dengan perawi yang sedang dinilai. Hal ini sesuai dengan pandangan al-Dzahabi:

كثير من كلام الأقران بغضهم في بعض ينبع أن يطوى ولا يروى

Terjemahan: Banyak pandangan daripada tokoh sezaman sesama mereka selayaknya dibuang dan tidak diriwayatkan

c) Teliti dan cermat serta tidak mudah tertipu dengan zahir perwatakan perawi.

Seperti yang sedia maklum, konsep *taqiyah* (berpura-pura) merupakan satu realiti yang memang digunakan oleh para perawi. Hal ini kita dapat contoh daripada tokoh Ahmad Bin Abdullah Bin Yûnus. Para ulama menolak pandangannya dalam Jarh wa takdil kerana dia terlalu mudah mentsiqahkan perawi hanya memandang kepada zahir perwatakan perawi tersebut. Beliau telah mentsiqahkan perawi bernama Abdullah Al-Umarî semata-mata disebabkan perawi tersebut zahir perwatakannya zuhud dan soleh sedangkan para nuqqâd yang lain bersepakat atas kedhaifannya.<sup>19</sup>

d) Mahir dengan sebab-sebab Jarh wa Ta'dîl

Ini merupakan satu kemestian bagi seseorang nâqid. Hal ini kerana implikasinya bakal menatijahkan kerosakan yang besar kemungkinan dikritik tokoh tak bersalah.

### **Biografi ringkas Abû al-Fath al-Azdî**

Nama sebenar beliau ialah Muhammad Bin al-Husain Bin Ahmad Bin Abdillah Bin Buraidah al-Azdî. Pengarang kepada kitab al-Dhu'afâ'. Beliau telah wafat pada tahun 374 hijrah. Beliau juga ada mengarang beberapa karangan lain dalam ilmu hadith iaitu Ahâdîth Muntaqâh fî Gharâib Alfâz RasûliLlah, Asmâ' Man Yu'rifu bi Kunyatih, al-Makhzûn fî 'Ilmi al-Hadîth dan sebagainya.<sup>20</sup>

Tidak sedikit para ulama yang memuji beliau antaranya Khatîb al-Baghdâdî mengatakan “beliau merupakan seorang hafiz”.<sup>21</sup> Ibn al-Jawzî juga menganggap beliau sebagai seorang tokoh yang diambil pandangannya dalam Jarh wa Ta'dîl.<sup>22</sup>

<sup>19</sup> Jamâl Bin Muhammad Sayid (2004), *Ibn al-Qayyim al-Jauziyah wa Juhûduhu fi Khidmah al-Sunnah*, Madînah: 'Imâdah al-Bâhs al-'Ilmi, hlmn 542.

<sup>20</sup> Syam al-Dîn Al-Zahabî, Muhammad Bin Uthmân (1985), *Siyar A'lâm al-Nubalâ'*, Beirut: Muassasah al-Risâlah, hlmn 972.

<sup>21</sup> Al-Khatîb al-Baghdâdî, *Târikh Baghdâd*, al-Madînah al-Munawwarah: Maktabah Salafiyyah, hlmn 244.

<sup>22</sup> *Ibid.*

Namun tak dinafikan beliau juga dikritik menyebabkan pandangan-pandangan beliau menjadi polemik sama ada diterima atau tidak. Khatīb al-Baghdādī mengatakan: “aku bertanya kepada al-Burqānī berkenaan perihal al-Azdī kemudian dia mengisyaratkan al-Azdī dhaif”.<sup>23</sup>

Begitu juga beliau dikritik daripada sudut ‘adālah. Imam Ibn Hajar telah membahaskan berkenaan kedhaifan al-Azdī di beberapa tempat. Antaranya:

قال ابن حجر قال ابن العديم في تاريخ حلب: قدم – يعني أبا الفتح الأزدي على سيف الدولة بن حمدان فأهدى له كتاباً في مناقب علي رضي الله عنه، وقد وقفت عليه بخطه، وفيه أحاديث منكرة تتضمن تنفيص عائشة، وغيرها.

Ibn Hajar berkata: Ibn al-‘Adīm menyebut dalam kitabnya Tārikh Hal ab : Abū al-Fath al-Azdī telah menziarahi Saif al-Daulah bin Hamdān dan menghadiahkannya kitab berkenaan manāqib Ali R.A. Aku telah membacanya dan mendapati terdapat hadith-hadith munkar yang mengurangkan kedudukan A’isah dan beberapa orang lagi selainnya.<sup>24</sup>

Begitu juga di tempat lain beliau mengatakan:

قال ابن النجاشي: سئى – يعني الأزدي – أهل السنة نواصب.

Ibn al-Najjār berkata : al-Azdī telah melabelkan Ahli Sunnah sebagai Nawāsib.<sup>25</sup>

Hal ini menunjukkan al-Azdī merupakan tokoh yang diperselisihkan kedudukannya. Hal ini menyebabkan kredibilitinya wajar dipersoalkan dalam cabang Jarh wa Ta’dīl.

### **Biografi ringkas Ibn Hajar al-Asqalani**

Nama sebenar Ibn Hajar al-Asqalāni ialah Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Muhammad bin Ali al-Syafi al-Dimasyqi al-Asqalāni al-Kināni. Ibn Hajar dilahirkan di Kaherah, Mesir pada tahun 773H dan dibesarkan dalam sebuah keluarga al-Khawaja Abu Bakr bin Ali al-Kharrubi selepas kemangkatan. Beliau juga dibesarkan juga oleh seorang tokoh ulama yang terkenal-pada zaman tersebut iaitu Shams al-Din Muhammad bin Ali bin al-Qattān al-Misri.

Beliau merupakan tokoh yang terlalu masyhur dan ramai daripada kalangan sarjawan yang memuji beliau. Antaranya al-Sakhāwi mengiktiraf Ibn Hajar sebagai tokoh yang menguasai ilmu hadith.<sup>26</sup>

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali (1985), *Lisān al Mīzān*, Beirut: Muassasah al Risālah, jld 5 hlmn 139.

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Al-Sakhāwī (1999), *al-Jawāhir wa al-Durar*, Beirut: Dār Ibn Hazm, hlmn 253.

Ibn Taghribardi mengatakan Ibn Hajar merupakan seorang imam, alim, hafiz dan penulis kepada karangan yang sangat banyak.<sup>27</sup>

Beliau telah menulis banyak kitab dalam hadith antaranya Nukhbah al-Fikr, Taqrīb al-Tahzīb, Ta'jil al-Manfa'ah dan banyak lagi.

Imam Ibn Hajar meninggal pada hari selasa 11 Zulkaedah tahun 852 hijrah.

### **Kredibiliti Abū al-Fath al-Azdī di sisi Ibn Hajar al-Asqalāni**

Apabila dianalisis praktikal Ibn Hajar dalam kitab-kitab beliau, kita dapati Ibn Hajar membahaskan berulang kali berkenaan pandangan al-Azdī, kebanyakannya untuk menidakkan pandangan beliau.

Imam Ibn Hajar telah menukilkhan pandangan al-Azdī terhadap sejumlah 19 orang perawi. Daripada jumlah itu, beliau menolak pandangannya terhadap 18 orang perawi dan menerima satu pandangan al-Azdī. Penulis telah melakukan analisis terhadap kesemua perawi ini dan mendapat terdapat satu sudut kesamaan di antara semua perawi tersebut iaitu kesemua pandangan berkenaan perawi ini tidak kosong dari terdapat perselisihan (ta'ārud) daripada para ulama. Seperti contoh perawi bernama Ahmad Bin Ali al-Namīrī.<sup>28</sup> Al-Azdī telah mendhaifkannya dan menghukumkan beliau matrūk al-hadīth. Meskipun begitu terdapat ta'ārud di antara pandangan beliau dengan ta'dīl Abū Hātim al-Rāzi di mana beliau menyebutkan “Aku melihat hadith-hadithnya mustaqīmah”.<sup>29</sup> Oleh demikian, Ibn Hajar mengutamakan ta'dīl daripada Abū Hātim. Selain itu, perawi bernama Ibrāhim bin Muhammad Bin Khāzim. Al-Azdī telah mendhaifkan beliau. Dalam masa yang sama kita dapati terdapat ta'ārud iaitu Abū Zur'ah mengatakan “Sadūq, sāhib al-sunnah”. Oleh itu, Ibn Hajar mengutamakan ta'dīl Abū Zur'ah.<sup>30</sup>

Begitu juga menurut analisis penulis, bukan sahaja ta'ārud jarh dan ta'dīl yang dilihat oleh Ibn Hajar bahkan ta'ārud di antara tingkatan jarh juga akan diperhatikan oleh Imam. Antaranya kita dapat lihat pada perawi bernama Nasr Bin Hammād Bin 'Ajlān.<sup>31</sup> Al-Azdī menghukumkannya telah memalsukan hadith. Manakala kita dapati para muhaddithīn lain

<sup>27</sup> *Ibid* hlmn 260.

<sup>28</sup> Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali (1987) *Taqrīb al Tahzīb*, Syria: Dār al Rasyīd, hlmn 83.

<sup>29</sup> Ibn Abī Hātim Abdul Rahman Bin Muhammad (1952), *al Jarh wa Ta'dīl*, Beirut: Dār Ihyā' al Turāth, jld 2 hlmn 63.

<sup>30</sup> *Ibid* hlmn 130.

<sup>31</sup> Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali (1987) *Taqrīb al Tahzīb*, Syria: Dār al Rasyīd, hlmn 560.

tidak menyatakan begitu meskipun tetap mendhaifkannya. Seperti contoh Abū Zur'ah mengatakan “lā yuktab hadīthuhu”.<sup>32</sup> Maka Ibn Hajar tetap mengutamakan pandangan tokoh-tokoh yang lain berbanding pandangan al-Azdī.

Meskipun begitu terdapat satu pandangan al-Azdī yang diiktiraf oleh Ibn Hajar dalam kitabnya iaitu pandangannya terhadap perawi bernama Ibrāhim Bin Ismā'il Bin Abd Malik.<sup>33</sup> Imam Ibn Hajar menyebutkan dalam *Taqrīb al-Tahzīb*:

إِبْرَاهِيمُ ابْنُ إِسْمَاعِيلَ ابْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ ابْنُ أَبِي مُحْنَدْرَةِ مَجْهُولٍ وَضَعْفُهُ الْأَزْدِيُّ.

Terjemahan: Ibrāhim Bin Ismā'il Bin Abd Malik ibn Abī Mahzūrah majhūl. Al-Azdī telah mendhaifkannya.

Sekiranya kita lakukan analisis terhadap perawi ini, kita akan dapati bahawa tiada pandangan daripada tokoh yang lain dicatatkan terhadap perawi ini selain al-Azdī.

Begitu juga dalam masa yang sama, perawi ini merupakan perawi yang majhūl<sup>34</sup>, tidak dikenali oleh tokoh yang lain. Sedia maklum dalam dunia hadith, sekiranya perawi itu dihukumkan majhūl, maka dia berada di tengah-tengah antara tsiqah dan dhaif. Ia tidak boleh dihukumkan dhaif, begitu juga tidak boleh dihukumkan tsiqah. Maka penulis melihat di sini Ibn Hajar al-‘Asqalānī memilih untuk mengiktiraf pandangan al-Azdī kerana memilih pandangan yang kurang absah daripada seorang tokoh yang diiktiraf keilmuannya, lebih aula berbanding mengabaikannya.

Meskipun begitu pada satu sudut yang lain, kita dapati terdapat perkataan Ibn Hajar yang seolah-olah menolak pandangan Al-Azdī secara mutlak. Beliau berkata:

وَالْأَزْدِيُّ لَا يَعْنِدُ إِذَا إِنْفَرَدَ، فَكَيْفَ إِذَا خَالَفَ؟

Terjemahan: Al-Azdī pandangannya ketika bersendirian tidak digunakan, bagaimana pula sekiranya bercanggah?<sup>35</sup>

<sup>32</sup> Ibn Abī Hātim Abdul Rahman Bin Muhammad (1952), *al Jarh wa Ta'dīl*, Beirut: Dār Ihyā' al Turāth, jld 8 hlmn 470.

<sup>33</sup> Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali (1987) *Taqrīb al Tahzīb*, Syria: Dār al Rasyīd, hlmn 87.

<sup>34</sup> Majhūl bermaksud tiada rekod pandangan para ahli hadith terhadap perawi tersebut. Lihat Abdul Aziz Bin Abdul Latif (2017), *Dhawābit al Jarh wa Ta'dīl*, Madinah: Cetakan ke-6, Dār Tayyibah al Khudarā', hlmn 90.

<sup>35</sup> Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali (1985), *Lisān al Mīzān*, Beirut: Muassasah al Risālah, jld 5 hlmn 140.

Penulis melihat perkataan Ibn Hajar di sini bukan bermaksud menolak semua pandangan al-Azdī akan tetapi hanya untuk menegaskan bahawa al-Azdī tidak boleh digunakan pandangannya sekiranya bercanggah dengan pandangan tokoh-tokoh yang lain. Hal ini kerana seperti yang kita lihat Ibn Hajar ada menggunakan pandangan al-Azdī walaupun hanya pada satu tempat.

## KESIMPULAN

Setelah analisis yang dilakukan oleh penulis dalam isu ini, penulis dapat menyimpulkan beberapa perkara:

1. Abū al-Fath al-Azdī adalah seorang tokoh yang diakui keilmuannya dalam bidang hadith, dan banyak ulama telah mengiktirafnya sebagai seorang yang berpengetahuan luas dalam bidang tersebut.
2. Imam Ibn Hajar telah menetapkan beberapa syarat untuk menerima pandangan Abū al-Fath al-Azdī. Antaranya, pandangannya tidak boleh bertentangan dengan pandangan tokoh-tokoh hadith yang lain, dan tidak ada penilaian yang dibuat oleh ulama Jarh wa Ta'dīl terhadapnya.
3. Pendekatan yang digunakan oleh Ibn Hajar dalam menilai pandangan al-Azdī sangatlah relevan dengan cara para ulama hadith silam yang mengutamakan indikator-indikator (qarāin) dalam menentukan kebolehpercayaan seseorang perawi.
4. Penulis melihat isu penting dalam kajian bahawa tokoh-tokoh yang dikritik dalam Jarh wa Ta'dīl masih dapat digunakan pandangannya pada kes-kes tertentu. Ini menunjukkan bahawa pemakaian isti'nās (pengecualian) adalah lebih sesuai daripada dianggap sebagai kaedah asas.
5. Kajian lanjut perlu dijalankan untuk menyelidiki isu ini lebih mendalam, termasuk melihat tokoh-tokoh lain yang juga telah dikritik seperti Uthmān bin Abī Syaibah, Ibn Khirāsy, dan lain-lain. Selain itu, penting juga untuk mengambil kira metodologi ulama hadith lain sebagai pusat kajian untuk mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh.

## RUJUKAN

### I. Makalah / Buku

Abdul Aziz Bin Abdul Latif (2017), *Dhawābit al-Jarh wa Ta'dīl*, Madinah: Cetakan ke-6, Dār Tayyibah al-Khudarā'.

Al-Khatīb al-Baghdādī, *Tārikh Baghdād*, al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah Salafiyah. Al-Sakhāwī (1999), *al-Jawāhir wa al-Durār*, Beirut: Dār Ibn Hazm.

Muhammad Bin 'Alawi (2003), *Al-Qawā'id al-Asāsiyah*, Kaherah: Dār al-Hāwi

Muhammad Bin Muhammad Bin Sulaim (2010), *al-Wasīth fī Ulūmi wa Mustalah al-Hadīth*, Dār Fikr al-'Arabī.

Muhammad Bin Mukrim (1994), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-ṣadir.

Muhammad Murtadha al-Husaini (2001), *Tāj al-'Arūs*, Dār Ihyā' al-Turāth.

Muhammad Bin Sulaimān (1986) *Al-Mukhasar fī 'Ilmi al-Rijāl*, Maktabah al-Rusyd.

Muslim Bin al-Hajjāj (1955) *Sahih Muslim*, Kaherah: Matba'ah Īsa al-Bābī.

Syarīf Hātim al-'Awnī (2002), *Khulāsah al-Ta'sīl li 'Ilmi al-Jarh wa al-Ta'dīl*, Mekah: Dār 'Ālim al-Fawāid

Syam al-Dīn Al-Zahabī, Muhammad Bin Uthmān (1985), *Siyar A'lām al-Nubalā'*, Beirut: Muassasah al-Risālah.

Syams al-Dīn al-Dzahabī (1991) *Al-Mūqizah Fi Ilmi Mustalah al-Hadīth*, Hal ab: Maktabah al-Matbū'āt al-Islāmiyah.

Ibn Abī Hātim Abdul Rahman Bin Muhammad (1952), *al-Jarh wa Ta'dīl*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth.

Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali (1985), *Lisān al-Mīzān*, Beirut: Muassasah al-Risālah.

Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali (1987) *Taqrīb al-Tahzīb*, Syria: Dār al-Rasyīd.

Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali (2015), *Tahzīb al-Tahzīb*, India: Dāirah al-Ma'ārif.

Ibn al-Jawzī, Abdul Rahman (1986), *Tabaqāt al-Huffāz*, Kaherah: Maktabah Wahbah

Al-'Uqailī Muhammad Bin Amru (1984), *al-Dhu'afā' al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Maktabah al-'Ilmiyah.

**II. Rujukan Laman Web**

<https://al-maktaba.org/book/31615/12015>